



# MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI

## TEKS UCAPAN

YBHG. DATO' SR HAJI ROZALI BIN HAJI MOHAMUD  
**DATUK BANDAR**  
**MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI**

## SEMPENA

MAJLIS SAMBUTAN HARI BANDARAYA  
2021

## OLEH

YANG BERHORMAT TUAN JAGDEEP SINGH DEO A/L KARPAL  
SINGH  
**AHLI MAJLIS MESYUARAT KERAJAAN NEGERI PULAU PINANG  
MERANGKAP PENGERUSI JAWATANKUASA PERUMAHAN,  
KERAJAAN TEMPATAN, PERANCANG BANDAR & DESA**

TARIKH / MASA / TEMPAT  
**17 SEPTEMBER 2021 (JUMAAT)**  
**10.00 PAGI**

**DEWAN KENANGA, MENARA BANDAR RAYA  
BANDAR PERDA**

Terima kasih Saudara/Saudari Pengacara Majlis

**Yang Berhormat Tuan Jagdeep Singh Deo a/l Karpal Singh**

Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Pulau Pinang Merangkap Pengerusi Jawatankuasa Perumahan, Kerajaan Tempatan Dan Perancangan Bandar & Desa

**Yang Dihormati Ahli-Ahli Majlis**

Majlis Bandaraya Seberang Perai

**Yang Berusaha Tuan Haji Baderul Amin bin Abdul Hamid**

Pemangku Setiausaha Bandaraya  
Majlis Bandaraya Seberang Perai

**Ketua-Ketua Jabatan**

Majlis Bandaraya Seberang Perai

**Yang Berbahagia Datin Hajah Che Limah binti Hj. Ujang**

Pengerusi PUSPANITA MBSP

**Encik Ahmad Zabri bin Mohamed Sarajudin**

Pengerusi ANULAE Seberang Perai

**Encik Mat Nasir bin Hassan**

Naib Yang Dipertua PESUKA

**Encik Mohamad Nizam bin Md Shariff**

Yang Dipertua PERMAI

**Puan Latifah binti Razali**

Pengerusi KOSPEMA

**Seluruh kakitangan dan Wira Orange yang saya kasih**

**Rakan-rakan Media**

**Tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati sekalian**

Assalamualaikum warahmatullahhiwabarakatuh,

Selamat pagi dan salam sejahtera.

Alhamdullillah dan bersyukur ke hadirat Allah SWT, pada hari ini kita masih diberikan kekuatan meraikan hari yang dinanti-nantikan, iaitu Hari ulang tahun kedua (2) Bandaraya Seberang Perai, kebetulan bersamaan Hari Malaysia 2021.

Saya mewakili seluruh warga kerja MBSP ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ribuan terima kasih kepada Yang Berhormat Tuan Jagdeep Singh Deo a/l Karpal Singh, Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Pulau Pinang merangkap Pengerusi Jawatankuasa Perumahan, Kerajaan Tempatan Dan Perancangan Bandar & Desa, yang sentiasa perihatin kepada masalah rakyat. Di kesempatan ini juga saya merakamkan ucapan penghargaan kepada Ahli-Ahli Majlis, yang telah mengorbankan masa dan tenaga mereka membantu rakyat semasa kesempitan. Tidak ketinggalan kepada Tuan Setiausaha Bandar Raya, Ketua-Ketua Jabatan, rakan-rakan media yang saya kasihi, semua wira oren dan seluruh warga kerja MBSP atas usaha dan sokongan yang tidak pernah berbelah bagi terhadap Datuk Bandar dan MBSP.

**Yang Berhormat, Ahli-Ahli Majlis, Tuan-Tuan Dan Puan-Puan Yang**

**Dihormati Sekalian,**

Saya mulai ucapan Hari Bandar Raya, dengan berdoa, memohon keampunan dan rahmat Allah SWT serta ucapan takziah kepada wira barisan hadapan dan warga Seberang Perai yang telah terkorban kesan serangan Covid-19 yang bermula semenjak 18 Mac 2020. MBSP telah kehilangan lapan (8) wira dan wirawati, teman seperjuangan, yang gigih berkhidmat untuk rakyat, semoga perkhidmatan mereka menjadi amal jariah yang dijanjikan balasan pahala yang berterusan. Marilah kita bersama-sama mendoakan agar 33 wira barisan hadapan MBSP dan Warga Seberang Perai yang sedang bertarung dengan virus Covid-19 supaya mereka diberi kekuatan serta kesembuhan yang tidak meninggalkan kesan. Alhamdulillah sehingga hari ini, seramai 3,930 (98.60%) warga kerja MBSP telah divaksinkan. Saban hari Datuk Bandar mendoakan agar wira barisan hadapan serta warga kerja MBSP diberi hidayah dan keselamatan dalam melaksanakan pekerjaan harian. Anda mesti sihat, teruskan menabur bakti, anda adalah benteng Seberang Perai !!

**Yang Berhormat, Ahli-Ahli Majlis, Tuan-Tuan Dan Puan-Puan Yang**

**Dihormati Sekalian,**

Rakyat tidak pernah ditinggalkan bersendirian dalam menghadapi musibah besar ini. Penyebaran maklumat atau *dissemination of information* dibuat melalui tiga (3) cara; *Dissemination For Awareness*; *Dissemination For Understanding*; dan *Dissemination For Action*. MBSP telah menubuhkan *Seberang Perai City Channel* (SPCC) bagi menggalas tugas berat ini. SPCC dipelopori oleh anggota remaja dari Jabatan Teknologi Informasi dan Komunikasi (JTIK) dan Jabatan Kemasyarakatan yang telah berjaya memecah tembok tebal *mentality sailor*, daripada bekerja mengikut jabatan kepada bekerja mengikut tugasan, yang menjadi norma baru MBSP. Saya amat berbangga dengan pencapaian mereka, saluran *virtual* SPCC dapat membawa Yang Amat Berhormat Tuan Chow Kon Yeow, Ketua Menteri Pulau Pinang, Yang Berhormat Tuan Jagdeep Singh Deo a/l Karpal Singh, Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Pulau Pinang, Yang Berbahagia Datuk Bandar Seberang Perai bertemu rakyat secara *virtual* untuk merungkai kesulitan mereka semasa Pendamik Covid-19.

**Yang Berhormat, Ahli-Ahli Majlis, Tuan-Tuan Dan Puan-Puan Yang**

**Dihormati Sekalian,**

MBSP telah melakukan *Business Proses Re-engineering* ketika Pandemik Covid-19 bagi menambah baik penyampaian perkhidmatan kepada rakyat, ketika mereka berdepan dengan musibah yang amat dasyhat ini. Tiga belas (13) penambahbaikan yang akan dihuraikan di bawah ini, merupakan hasil daripada proses kerja yang dipendekkan; penggubalan garis panduan baharu dan penghasilan produk baharu yang mesra rakyat, agar ianya menjadi pemangkin pembangunan ekonomi tempatan semasa dan pasca Covid-19.

1. Kebenaran Mula Kerja (COW) pembinaan bangunan dikeluarkan sebaik-baik sahaja Pelan Bangunan dikemukakan ke Jabatan Bangunan MBSP. Produk ini menjimatkan masa pembinaan, sekurang-kurangnya 37 hari, memberi kemudahan menjalankan perniagaan (*ease of doing business*), mempercepatkan pembinaan dan seterusnya menarik minat pelaburan asing (*Foreign Direct Investment*) ke Seberang Perai.
2. Garis Panduan Rumah Pekerja di luar tapak bina(CLQ Sementara diluar Tapak Bina). Kelulusan permit sementara rumah pekerja dikeluarkan dalam tempoh dua (2) hari. Garis Panduan ini

mempercepatkan pembinaan bangunan industri dan komplek perniagaan khususnya di kawasan Batu Kawan dan sekitarnya.

3. Kelulusan Pelan Kebenaran Merancang (PKM) telah dipendekkan dari 108 hari ke 71 hari di mana permohonan oleh pemaju dan ulasan jabatan teknikal dilakukan di atas talian melalui sistem OSC 3 Plus.
4. MBSP memberi keutamaan dan pemprosesan *fast track* untuk melulusan Pelan Kebenaran Merancang (PKM) dan Pelan Bangunan (PB) bagi pembangunan yang direkabentuk menggunakan 15% tenaga yang diperbaharui atau *renewable energy* (RE), seperti tenaga solar dan *wind energy*.
5. Garis Panduan Penginapan Pekerja Sementara di Bangunan Perniagaan sedia ada (CLQ Sementara Bangunan Perniagaan sedia ada). Majikan boleh menyediakan penginapan pekerja dengan kos permohonan yang rendah dan kelulusan yang cepat iaitu pada hari yang sama, jika tiada melibatkan pindaan dibuat kepada bangunan yang dipohon.
6. Garis Panduan Perancangan Tukar Guna Bangunan Industri untuk dijadikan penginapan pekerja sementara (CLQ Sementara Bangunan Industri sedia ada). Garis panduan ini mempunyai tujuan serampang dua mata. Pertama membantu mengurangkan kegelisahan rakyat dengan kehadiran warga asing dipersekitaran kediaman mereka

terutama semasa Covid-19, kedua mengurangkan kos operasi kepada pengusaha di mana bangunan kilang sedia ada boleh ditukar guna kepada penginapan pekerja berpusat sementara (CLQ).

7. Program Sejahtera Peniaga, memperkenalkan sistem permohonan bersepadu yang pertama di Malaysia di mana Permit Sementara Bangunan, lesen perniagaan, pemberian patil nombor premis dan pengurusan sampah yang teratur disekalikan. Program ini akan memberi manfaat dan merungkai masalah 1,000 peniaga makanan, kedai runcit dan peniagaan kecil seperti kedai gunting rambut yang berada di luar kawasan pembangunan atau dikampong-kampong. Saya memohon Yang Berhormat Tuan Jagdeep Singh Deo a/l Karpal Singh, untuk melancarkan program ini sebentar lagi. Saya juga ingin mengucapkan tahniah kepada Pengarah Bangunan, Cik Noorhanis binti Noordin dan pasukannya atas usaha yang kreatif ini.
8. Sistem Pengurusan Sampah *i-collect* menggunakan konsep *pay-as-you-use*, yang pertama di Malaysia. Projek perintis ini menjadi pakej kepada Program Sejahtera Peniaga bertujuan untuk mencapai sasaran 50% pengurangan penjanaan sampah pada tahun 2022. *Pay-as-you-use*, akan diperluaskan kepada perkhidmatan-perkhidmatan yang lain secara berperingkat dan akan menjadi norma baharu mulai tahun 2022. Tahniah kepada Pengarah Perkhidmatan Perbandaran,

Encik Ahmad Zabri bin Mohamed Sarajudin dan pasukannya yang menghasilkan tindakan yang kreatif ini.

9. Sistem Pengurusan Lesen Interaktif Bersepadu atau singkatanya *SpeedBiz*. Sistem ini membolehkan pemohonan lesen premis perniagaan dan iklan dibuat di atas talian dan pemohon boleh mencetak lesen mereka sendiri apabila diluluskan. *SpeedBiz* mencerminkan budaya kerja generasi baru 24x7x52. *SpeedBiz* memberi manfaat kepada 33,139 pemegang lesen premis peniagaan am dan industri di Seberang Perai. Tahniah kepada Pengarah Pelesenan Encik Mohd Faidrol bin Mohd Radzi, En Ubaidillah bin Abdullah serta pasukan mereka yang mempunyai buah fikiran yang kreatif.
10. Pemberian nombor TS kepada rumah kediaman di kampung. Pemohon hanya perlu mengemukakan plan lakar rumah kediaman mereka, yang boleh dilukis sendiri oleh pemohon. Program pemberian nombor patil TS memberi manfaat kepada 20,000 rumah-rumah kampung yang tidak bernombor. Program ini yang akan berakhir pada 31 Disember 2021, akan dilanjutkan sehingga 31 Disember 2022.
11. MBSP telah mentransformasikan perkhidmatan kaunter berpusat dengan menyediakan 100 perkhidmatan di *Cyber Counter*. MBSP akan menyediakan *Cyber Counter Corner* yang lebih selesa dan

memperbanyakkan program Digital@Seberang Perai bagi mendidik warga Seberang Perai menggunakan perkhidmatan *virtual*. Pendidikan di *Cyber Counter Corner*, telah berjaya membangunkan modal insan bukan sahaja di kalangan warga kerja MBSP malahan pembangunan modal insan warga Seberang Perai amnya, agar mereka ini menjadi warga bandar pintar Seberang Perai yang benar-benar mendapat manfaat dari pencapaian Negeri Pintar Pulau Pinang.

12. Pendigitalan Perkhidmatan bagi memudahkan urusan transaksi tanpa tunai melalui *MBSP QR Bill*, *Cyber Bill*, *Helpdesk*, pusat panggilan (*Call Center*) dan program inisiatif tanpa tunai kerjasama dengan Boost. Bagi melengkapkan usaha pendigitalan perkhidmatan, MBSP telah mempraktiskan *behavioural insight*. Transaksi tanpa tunai telah meningkat dengan ketara, sehingga 7 September 2021, 70.29 % daripada keseluruhan transaksi, dengan nilai transaksi RM122.7 juta (294,532 daripada 419,002 transaksi) telah dipungut, berbanding 57.62% sepanjang tahun 2020. Syabas kepada Pengarah Jabatan Perbendaharaan, Jabatan Penilaian, Jabatan Khidmat Pengurusan dan Jabatan Teknologi Informasi dan Komunikasi serta warga Seberang Perai yang menyahut seruan Kerajaan Negeri untuk “*Stay Safe At Home*”, serta menjadikan warga Bandar Pintar Seberang Perai.

13. MBSP akan melancarkan Pelan Tindakan *Circular Economy* pada 2 Oktober 2021. Pelan Tindakan *Circular Economy* akan menjadi panduan dalam memastikan pola penghasilan dan penggunaan (*Production and Consumption Pattern*) sampah di Seberang Perai dapat diubah daripada *Linear Model* kepada *Circular Model*, malalui pembaharuan dasar dan penggunaan teknologi yang meluas pada tahun 2022 sehingga 2030.

**Yang Berhormat, Ahli-Ahli Majlis, Tuan-Tuan Dan Puan-Puan Yang Dihormati Sekalian,**

Sebagai tanda penghargaan kepada rakyat Seberang Perai dan bersempena dengan Hari Bandar Raya, MBSP dengan sukacitanya saya mengisyiharkan:

- I. Pelanjutan tempoh bayaran cukai taksiran tahun 2021 sehingga 31 Disember 2021 tanpa denda.
- II. Program Klinik Tunggakan Cukai Taksiran Khas 2021 bagi membincang untuk mencari kaedah yang sesuai pembayaran cukai taksiran.

III. Diskaun kompaun semua kesalahan-kesalahan mulai 16 September sehingga 31 Disember 2021. Kompaun tempat letak kereta dikenakan bayaran RM15.00 atas satu kesalahan, manakala kompaun lain dikurangkan sebanyak 50%.

Usaha-usaha dan pencapaian-pencapaian yang disenaraikan ini tidak akan berjaya tanpa sokongan Ahli Majlis, Tuan Setiausaha Bandaraya, Ketua-Ketua Jabatan, Wira Oren dan seluruh warga kerja MBSP. Mereka adalah aset modal insan yang amat bernilai yang tidak mungkin hilang dalam lipatan sejarah.

Sekali lagi saya ingin mengucapkan terima kasih atas sokongan Kerajaan Negeri Pulau Pinang dan Warga Seberang Perai terhadap MBSP selama ini. MBSP akan terus berusaha menjadikan Seberang Perai *Smart Sustainable City*, yang menjadi impian seluruh rakyat Seberang Perai. Akhir kata, saya ingin mengucapkan Selamat Hari Malaysia dan Selamat Menyambut Hari Bandaraya 2021.

**Terima Kasih, Xie Xie, Nandri, Thank You**

**Sekian,   Wabillahi   Taufik   Wal   Hidayah,   Wassalamualaikum  
Warahmatullahi Wabarakatuh dan terima kasih.**